



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاترْ خَالِ الْاَحوَالِ الْاِسلامِيَّةِ نِجَرِي سَابَاھِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

22 MUHARAM 1447H / 18 JULAI 2025M

“DILEMA HUTANG: LUNASKAN ATAU LEPAS TANGAN?”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَى أَجَلٍ مُّسَمًّى فَآكُتُبُوهُ وَلْيَكُتُبْ بَيْنَكُمْ
كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكُتِبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ فَلْيَكُتِبْ وَلْيَمْلِكِ الَّذِي
عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا ﴿٢٨٢﴾ (البقرة: 282)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِالتَّقْوَى اللَّهُ.

فَقَالَ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Ketahuilah bahawa nilai ketakwaan manusia berubah-ubah berdasarkan amalan kita. Justeru marilah kita bersama-sama meningkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan apa jua yang dilarang-Nya. Mudah-mudahan berkat daripadanya, kita dikurniakan ganjaran kejayaan sama ada di dunia yang fana ini, mahupun di akhirat nanti. Pada hari Jumaat ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk **“DILEMA HUTANG: LUNASKAN ATAU LEPAS TANGAN?”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada Disember 2024 menjelaskan jumlah hutang isi rumah telah mencapai RM1.63 trilion bersamaan 84.2%. Kadar hutang yang tinggi bagi satu-satu isi rumah ini terjadi sudah pasti dengan tujuan yang berbeza. Ada yang berhutang kerana ingin mendapatkan tempat berteduh yang selesa. Ada yang berhutang, kerana perlu kenderaan bagi memudahkan pergerakan mencari nafkah keluarga. Demikian juga, ada yang berhutang dek mengejar kemegahan dunia dengan tayangan produk mewah lagi berjenama. Hakikatnya, berhutang demi kelangsungan hidup adalah diharuskan dalam Islam, namun janganlah sampai berhutang semata-mata demi mengejar gaya hidup yang megah di mata namun realitinya resah di jiwa. Hal ini kerana, hutang itu adalah suatu tanggungjawab yang berat di sisi Islam, sehinggakan mereka yang berhutang dianjurkan untuk mencatatkan hutang tersebut, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 282 yang khatib bacakan di awal khutbah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ وَلْيَكْتُبَ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسَ مِنْهُ شَيْئًا ... ﴿٢٨٢﴾

Yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia*

bertakwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu.....”

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Mutakhir ini, paparan-paparan di media sosial sering membicarakan perihal keculasan individu dalam membayar hutang mereka. Senarionya, rakan sekerja yang dahulunya teman suka dan duka kini mula bermasam muka, jiran tetangga yang dahulunya teman mesra kini bersindir-sindiran sambil membuka pekung di dada. Begitu juga adik-beradik yang dahulunya sering bertanya khabar meluahkan rasa, namun kini tidak bertegur sapa berbulan-bulan lamanya. Persoalannya, mengapa semua ini terjadi? Jawapannya kerana keculasan individu tersebut dalam membayar hutang yang merupakan amanah besar ke atas dirinya. Justeru itu, sedarlah wahai jiwa yang terbelenggu hutang, bahawa amalan melepas tangan dalam membayar hutang bukan sahaja memberi kesan negatif dalam perhubungan kita di dunia bahkan mendapat ancaman yang besar di sisi Allah SWT khususnya bagi mereka yang cuai, culas lagi leka dalam membayar hutang mereka. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW **Yang bermaksud:** *“Roh orang yang beriman itu tergantung (ditangguhkan hisab amalannya) disebabkan hutang, sehingga dibayarkan untuknya hutang tersebut.”* (HR at-Tirmizi)

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Setiap perbuatan yang lahir daripada kita pasti akan diiringi sebuah tanggungjawab. Tamsilnya jika berkata akan sesuatu, pastikan ianya benar belaka. Jika menulis suatu bicara, pastikan ia penuh dengan rasa, dan jika berbuat janji pastikan ia ditunai akhirnya. Demikianlah juga halnya dengan persoalan hutang. Jika berhutang dengan sesiapa sahaja, sama ada rakan sekerja atau jiran tetangga, pastikan akhirnya dilunaskan tanpa banyak alas bicara mahupun tangguhan demi tangguhan tanpa

noktah. Perbuatan bertangguh dalam membayar hutang sedangkan ia berkemampuan merupakan suatu kezaliman di sisi agama Islam, sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ

Yang bermaksud: *“Menangguh pembayaran hutang bagi orang yang mampu ialah satu kezaliman.”* (HR al-Bukhari)

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Ingatlah bahawa berhutang bukan satu kemestian bahkan hanyalah bersifat pilihan. Kehidupan tanpa hutang merupakan kehidupan yang didambakan oleh semua insan, kerana ia mampu membawa kepada ketenangan dalam perhubungan. Justeru menyimpul khutbah pada hari yang mulia ini, khatib ingin menyampaikan pesanan berikut:

Pertama: Berhutang sesuatu yang diharuskan di sisi Islam. Namun uruslah ia sesuai dengan tuntutan kelangsungan hidup, dan bukanlah sekadar mempamerkan kesenangan dunia.

Kedua: Hutang adalah amanah, maka jangan pula culas dalam menunaikan amanah kerana kesannya akan membuat jiwa kita merana.

Ketiga: Jika berhutang, maka bayarlah dengan segera. Sifat suka bertangguh dalam melunaskannya, merupakan satu kezaliman dalam agama.

Oleh yang demikian, sekali lagi khatib berpesan agar bertakwalah dengan perihal hutang-piutang. Di dalamnya terkandung nilai amanah sebagai seorang yang beragama. Padanya juga terkandung ancaman yang

dijanjikan bagi mereka yang sering mengabaikan peringatan. Renungilah firman Allah SWT dalam surah an-Nisa', ayat 29:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُم بَيْنَكُم بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang

Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.